

SIRI PERKEMBANGAN  
UNDANG-UNDANG  
DI MALAYSIA

UNDANG-UNDANG  
KOH UTAMA (CAP A.M.)



National Library Board



LIBRARY  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA

SIRI PERKEMBANGAN  
UNDANG-UNDANG  
DI MALAYSIA

**UNDANG-UNDANG  
KELUARGA (ISLAM)**



Najibah Mohd Zin *et al.*

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
2007

237884

422/31

Cetakan Pertama 2007  
© Najibah Mohd Zin *et al.* 2007

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Undang-undang keluarga (Islam) / Najibah Mohd Zin ... [*et al.*].

(Siri perkembangan undang-undang di Malaysia)

Mengandungi indeks

Bibliografi: hlm. 339

ISBN 978-983-62-9714-3 (set)

ISBN 978-983-62-9727-3 (jil. 14)

1. Domestic relations (Islamic law)--Malaysia. 2. Marriage (Islamic law)--Malaysia. I. Najibah Mohd Zin. II. Siri.

346.595015

Copy no: 11066758  
Initial: NMZ  
Date: 6/1/2009  
Location: MAIN /PJ /STAC /NILAI /K /K2 /NBF

Dicetak oleh  
Dawama Sdn. Bhd.  
Kompleks Dawama  
Lot 1037, Jalan AU3/1  
54200 Ampang/Hulu Kelang  
Selangor Darul Ehsan

12/11/09 MZ

13/11/09 MZ

d10  
KPG  
540  
U54N  
2007

# Bab 1

## PROSEDUR DAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN

*Noraini Mohd Hashim*

### PENDAHULUAN

Institusi kekeluargaan bermula dengan terbentuknya sesebuah perkahwinan. Perkahwinan pula, menurut undang-undang Islam, ialah satu kontrak sivil dan merupakan satu ibadah. Perkahwinan boleh diadakan tanpa apa-apa istiadat atau prosedur tertentu. Malahan ia tidak memerlukan upacara khas mahupun pegawai yang tertentu. Islam juga tidak pernah mensyaratkan agar perkahwinan itu direkodkan dan didaftarkan sama ada secara rasmi atau tidak, bahkan tidak disyaratkan ditulis sekalipun.<sup>1</sup> Sesuatu akad perkahwinan dianggap sah dan mengikat sekiranya telah memenuhi segala rukun dan syarat yang ditetapkan oleh hukum syaria'. Atas dasar ini, Islam tidak melarang perkahwinan dijalankan di mana-mana jua dan dalam apa-apa keadaan sekalipun asalkan segala rukun dan syarat tadi dipenuhi. Atas kemudahan ini, ada segelintir pasangan yang mengambil kesempatan antara

<sup>1</sup> Jamal J. Nasir, 1990. *The Status of Women under Islamic Law*. Graham & Trotman, hlm. 28.

lain untuk kahwin lari.<sup>2</sup> Oleh itu, undang-undang keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia telah memperuntukkan beberapa sekatan dalam pelaksanaan perkahwinan bagi menjamin tidak berlakunya penyelewengan dalam perkara ini. Peruntukan ini adalah dalam bentuk prosedur perkahwinan. Antaranya permohonan kebenaran berkahwin, penetapan umur minimum, penentuan status perkahwinan, perkahwinan di hadapan pendaftar perkahwinan bertauliah, penentuan tempat perkahwinan, permohonan berpoligami dan juga pendaftaran perkahwinan. Kedua-dua prosedur dan pendaftaran adalah bagi kemaslahatan dan kesejahteraan sosial. Walaupun peraturan yang ditetapkan tidak menjadi syarat sahnya satu perkahwinan, namun pelanggarannya menyalahi undang-undang yang telah ditetapkan.

## DEFINISI PERKAHWINAN

Terdapat banyak definisi perkahwinan yang ditetapkan oleh sarjana Islam. Menurut *fuqaha'* seperti Abdul Rahman al-Jaziri, Sheikh Khatib al-Syarbini dan lain-lain, mendefinisikan perkahwinan dari segi bahasa ialah “berkumpul dan bercampur”.<sup>3</sup> Dari segi hukum syara' pula, Imam Abu Zuhrah mendefinisikannya sebagai “suatu ‘aqad yang menghalalkan pergaulan antara suami isteri dengan jalan-jalan yang telah ditetapkan”.<sup>4</sup> Dalam menentukan kesahan perkahwinan, mazhab Syafii mengutamakan rukun perkahwinan dipatuhi, iaitu pengantin lelaki (*zawjun*), pengantin perempuan (*zawjatun*), wali yang adil, dua orang saksi lelaki yang adil dan lafaz tawaran (*ijab*) dan penerimaan (*kabul*) serta pemberian mahar dan kesetaraan (*kafa'ah*), sebagai syarat tambahan. Mazhab Hanafi walau bagaimanapun, tidak

<sup>2</sup> *Kamus Dewan* mendefinisikannya sebagai perkahwinan pasangan lelaki dan perempuan (biasanya suka sama suka) yang dilakukan di tempat lain tanpa disaksikan atau direstui kaum keluarga.

<sup>3</sup> Ahmad Husari, 1970. *Al-Nikah wa al-Qadhaya al-Muta‘aliyah Bih*, Beirut: Dar Ibnu Zaidun, hlm. 7; Idris Ahmad, 1991. *Fiqh Syafie*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, hlm. 220.

<sup>4</sup> Muhammad Abu Zuhrah, t.th. *Al-Ahwal as-Syakhsiah*. Mesir: Dar al-Fikr al-Arabi, hlm. 17.

## PROSEDUR DAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN

menetapkan wali sebagai rukun perkahwinan.<sup>5</sup>

Berkaitan dengan syarat-syarat yang perlu dipenuhi bagi rukun pengantin lelaki dan perempuan, undang-undang keluarga Islam di Malaysia menetapkan had syarat umur walaupun hukum syara' tidak menetapkannya.<sup>6</sup> Terdapat had umur minimum untuk berkahwin dalam prosedur biasa, tetapi tidak dihadkan umur maksimum. Walaupun begitu ia bukanlah sekatan yang mutlak kerana syarat ini masih boleh dikecualikan dalam keadaan yang tertentu.<sup>7</sup> Di Malaysia, peruntukan ini bermula pada akhir tahun tujuh puluhan apabila sesetengah negeri memasukkannya ke dalam undang-undang pentadbiran agama Islam. Apabila kebanyakan negeri-negeri di Malaysia menguatkuasakan undang-undang baharu keluarga Islam pada tahun lapan puluhan, syarat umur seperti yang dinyatakan telah diterima pakai pada keseluruhannya.<sup>8</sup> Tujuan meletakkan had umur minimum antara lain bukan sahaja untuk mencegah eksplorasi pasangan bawah umur tetapi mengurangkan kadar keruntuhan rumah tangga dan perceraian akibat tidak matang dalam mengendali konflik yang timbul dalam rumah tangga.

Keizinan wali adalah penting dalam menentukan kesahan perkahwinan memandangkan beliau ialah orang yang berhak mengahwinkan perempuan bawah penjagaannya.<sup>9</sup> Mazhab Shafii

5 Abdul Rahman Taj, 1953. *Al-Syariah al-Islamiyyah fi al-Ahwal al-Syakhsiah*, Mesir: Dar al-Ta'lif, hlm. 96.

6 S 8 AUKI 1985 menetapkan bahawa perkahwinan tidak boleh di'aqadnikahkan dan didaftar jika pihak lelaki berumur kurang dari 18 tahun dan pihak perempuan berumur kurang 16 tahun kecuali jika mendapat keizinan bertulis daripada Hakim Syari'i dalam hal tertentu.

7 Dalam permohonan Remi Iskandar bin Sulaiman (kes Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan) di mana pihak lelaki yang baru berusia 16 tahun telah diberikan keizinan oleh Hakim Syari'i untuk berkahwin kerana didapati beliau mampu menyara bakal isteri kerana mempunyai pendapatan sekitar RM750.00 – RM1000.00 sebulan, berakhlek dan menunjukkan sikap kepimpinan yang baik.

8 Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid, 1993. *Kursus Perkahwinan dan Undang-Undang Keluarga Islam*. Dasar Cetak (M) Sdn. Bhd., hlm. 22.

9 Shahrin Nasution, 1992. *Fikah Lengkap Perkahwinan*. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada, hlm. 35.

## UNDANG-UNDANG KELUARGA (ISLAM)

dan mazhab Maliki berpegang pada hakikat bahawa wali ialah unsur yang penting dan ketiadaannya akan menjadikan ‘aqad sesuatu perkahwinan tidak sah.<sup>10</sup>

Hal ini berlandaskan dalil daripada al-Qur'an dan sunnah. Firman Allah:<sup>11</sup>

Janganlah kamu menikahkan mereka (perempuan kamu) dengan lelaki Musyrik sehingga mereka beriman.

Hadith yang diterima daripada Abu Musa:<sup>12</sup>

Tidak sah sesuatu nikah tanpa wali.

Wali dalam perkahwinan ialah waris bagi perempuan dan susunan perwali'an adalah seperti yang berikut:<sup>13</sup>

- (1) Bapa.
- (2) Datuk sebelah bapa.
- (3) Saudara lelaki seibu sebapa.
- (4) Saudara lelaki sebapa.
- (5) Anak saudara lelaki seibu sebapa.
- (6) Anak saudara lelaki sebapa.
- (7) Bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa.
- (8) Bapa saudara sebelah bapa sebapa.
- (9) Sepupu lelaki – anak bapa saudara seibu sebapa.
- (10) Sepupu lelaki – anak bapa saudara sebapa.
- (11) Orang yang memerdekaan hamba, dan
- (12) Wali hakim.

Bapa dan datuk merupakan wali mujbir, iaitu wali yang diberikan keutamaan dalam perwali'an selagi mereka masih hidup dan berkuasa penuh ke atas anak dara yang akil dan baligh.<sup>14</sup> Imam Syafii telah menggariskan tiga syarat membolehkan wali mujbir

---

10 Abdul Rahman al-Jaziri, 1969. *Kitab al-Fiqh al-Mazahib al-Arba'ah*, Mesir: Maktabah al-Hijariah al-Kubra, hlm. 12.

11 Al-Baqarah 2:221.

12 Sayyid Muhammad ibnu Ismail al-Kahlani, 1979. *Subul al-Salam*, Mesir: Dar al-Qaumiyyah, hlm. 117.

13 Shahrin Nasution, 1992. *Fikah Lengkap Perkahwinan*, hlm. 40.

14 Abdul Rahman Taj, 1953. *Al-Syariah al-Islamiyyah*, hlm. 96.

## PROSEDUR DAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN

untuk mengahwinkan tanpa keizinan anak dara di bawah jagaannya, iaitu:<sup>15</sup>

- (1) Bakal suami adalah sekufu dengan perempuan tersebut;
- (2) Maharnya tidak boleh kurang daripada mahar mithil (*al-mahr al-mithli*); dan
- (3) Tidak ada permusuhan antara wali dengan perempuan di bawah jagaannya.

Walau bagaimanapun, kuasa wali boleh berpindah kepada wali raja/wali hakim atas sebab-sebab tertentu. Wali raja/wali hakim ialah orang yang dilantik oleh sultan (ketua negara) untuk mewalikan perempuan yang tidak mempunyai wali nasab. Ini berdasarkan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Aishah RA:<sup>16</sup>

Sultan menjadi wali bagi mereka yang tidak mempunyai wali.

Antara sebab mengharuskan perpindahan perwalian daripada wali khas kepada wali hakim/wali raja ialah ketiadaan wali nasab sama sekali, wali akrab dalam ihram haji atau umrah, kehilangan wali akrab yang tidak diketahui tempat dia berada sama ada dia masih hidup atau mati, jarak tempat berlangsungnya perkahwinan lebih daripada dua marhalah/60 batu/96 kilometer dari tempat wali nasab berada, wali akrab sendiri yang akan berkahwin dengan pihak perempuan tersebut dan wali ‘*adal*’ (wali yang ingkar).<sup>17</sup>

Wali ‘*adal*’ ialah wali yang enggan menikahkan seorang perempuan di bawah jagaannya yang telah akil dan baligh, dengan lelaki yang sekufu dengan perempuan tersebut tanpa alasan yang munasabah.<sup>18</sup> Keengganan wali dapat diketahui apabila wali berterus terang kepada pihak berkuasa yang telah memerintahkannya untuk

---

15 Sheikh Ali Hasan Ahmad, t.th. *Munakahat: Membahas Soal-soal Perkahwinan dan Rumahtangga*. Kuala Lumpur. Pustaka Antara, hlm. 64–65.

16 Muhammad bin Ali al-Syaukani, t.th. Mesir: *Nayl al-Autar*, hlm. 134.

17 *Ibid.*

18 Abdul Fatah Muhammad al-Aynain, t.th. *Al-Islam wa al-Usrah, Dirasah Muqaranah fi Dauie al-Mazahib Fiqhan wa al-Qawanin al-Ahwal al-Shahsiah*. Kaherah: Maktabah al-Qur'an, hlm. 78.

menjadi wali bahawa beliau enggan mengahwinkan perempuan bawah jagaannya atau melantik wakil menggantikannya atau diamnya wali yang dapat difahami bahawa beliau tidak mahu melaksanakan perkahwinan itu atau wali menyembunyikan diri agar dia tidak dapat ditemui untuk melaksanakan perkahwinan itu.<sup>19</sup> Untuk mensabitkan keengganahan wali tersebut, pengesahan perlulah dibuat oleh hakim terlebih dahulu. Setelah sabit keengganannya (iaitu sebanyak tiga kali menyatakan keengganannya selepas disoal siasat), barulah berpindah kuasa wali kepada wali raja/wali hakim, kerana keingkarannya itu dianggap zalim dan kuasa orang yang zalim akan berpindah kepada hakim.<sup>20</sup> Dalam kes *Azizah Binti Mat lwn Mat Bin Salleh*,<sup>21</sup> wali, iaitu ayah (pihak kena tuntut) telah enggan untuk mewalikan perkahwinan anaknya (pihak menuntut) atas alasan yang tidak munasabah, iaitu pihak menuntut masih tidak bekerja lagi. Sebaliknya jika pihak menuntut ingin berkahwin melalui wali raja/wali hakim, pihak kena tuntut menuntut kos memelihara Azizah dari kecil hingga mencapai usia 21 tahun. Mahkamah mencapai keputusan membenarkan perkahwinan melalui wali raja/wali hakim.

Keizinan wali pihak perempuan dan persetujuan kedua-dua pihak yang akan berkahwin telah diperuntukkan dengan jelas bawah akta dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia dan kegagalan memenuhi peruntukan tersebut akan mengakibatkan sesuatu perkahwinan itu tidak diperakui dan didaftarkan bawah Akta tersebut.<sup>22</sup> Perlu ditegaskan juga bahawa kegagalan memenuhi kesemua syarat perkahwinan menurut hukum syara' akan menyebabkan perkahwinan tersebut tidak sah<sup>23</sup> dan tidak boleh didaftarkan.<sup>24</sup>

19 Muhammad Fauzi bin Awang, 1973. *Pengajian Ilmu Fikah*, Kota Bharu: Kelantan Publisher, hlm. 76.

20 Mustafa Abdul Wahid, 1980. *Al-Usrah fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-I'tisam, hlm. 4.

21 (1982) JH 251.

22 S 13(a) AUKI 1984.

23 S 11 AUKI 1984.

24 S 12(1) AUKI 1984.

## PROSEDUR DAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN

### **PROSEDUR PERKAHWINAN**

Prosedur perkahwinan di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua, iaitu prosedur perkahwinan dalam negeri dan prosedur perkahwinan di luar negeri. Sebelum prosedur ini diikuti (bagi perkahwinan biasa dalam negeri), bakal pengantin dimestikan mengikuti kursus praperkahwinan Islam yang dikenali sebagai Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam. Ketetapan ini dibuat atas persetujuan yang dicapai dalam Majlis Persidangan Ketua-ketua Jabatan Agama Islam bagi tiap-tiap negeri supaya kursus perkahwinan diselaraskan dengan melaksanakan modul ini untuk semua bakal pengantin. Kursus ini telah dilaksanakan di seluruh Malaysia mulai tahun 1994.<sup>25</sup> Kursus ini dilaksanakan bagi memastikan bakal pengantin mempunyai asas agama dan ilmu yang bersabit dengan perkahwinan dalam melayari bahtera rumah tangga mereka. Walau bagaimanapun, mereka yang telah berkahwin tidak perlu mengikuti kursus ini. Selepas menamatkan kursus yang mengambil masa selama dua hari ini, peserta akan diberikan sijil yang akan dilampirkan bersama-sama permohonan perkahwinan mereka kelak.

### **PROSEDUR PERKAHWINAN DALAM NEGERI**

#### **Permohonan Perkahwinan Biasa**

Permohonan perkahwinan biasa ialah permohonan yang dibuat oleh bakal pengantin secara langsung kepada Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk<sup>26</sup> (selepas ini dirujuk sebagai NCR) di daerah masing-masing tanpa melalui Mahkamah Syariah. Seksyen 16(1) AUKI 1984 dan peruntukan yang serupa di bawah Enakmen Undang-Undang

---

25 Ismi Anuar bin Abdul Halim, 2000. *Prosedur Pendaftaran Nikah bawah Enakmen Keluarga Islam Kedah 1979*. Latihan Akademik, Diploma Pen-tadbiran Kehakiman Islam, UIAM, hlm. 38.

26 S 2 mendefinisikan pendaftar sebagai Pendaftar Kanan NCR Orang Islam yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah s 28 dan termasuk Pen-daftar dan Penolong Pendaftar.

## UNDANG-UNDANG KELUARGA (ISLAM)

Keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia memperuntukkan setiap perkahwinan yang hendak dilaksanakan mestilah terlebih dahulu mendapat kebenaran Pendaftar NCR bagi qaryah masjid tempat pihak perempuan bermastautin. Permohonan tersebut hendaklah dibuat oleh kedua-dua pihak dengan mengisi borang yang telah ditetapkan. Sekiranya pihak lelaki bermastautin di qaryah masjid yang berlainan daripada qaryah masjid perempuan atau bermastautin di negeri yang berlainan, permohonan beliau untuk mendapat kebenaran berkahwin hendaklah disertakan bersama pengesahan Pendaftar NCR bagi qaryah masjidnya atau oleh pihak berkuasa negeri tempat tinggalnya dengan menyatakan bahawa segala perkara yang dinyatakan dalam permohonan adalah benar. Permohonan perkahwinan ini hendaklah disampaikan sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum tarikh perkahwinan.

Walau bagaimanapun, Pendaftar, atas budi bicaranya, boleh membenarkan permohonan dilakukan dalam masa yang lebih singkat mengikut kes-kes tertentu. Seksyen 17 AUKI 1984 memperuntukkan sekiranya Pendaftar berpuas hati dengan permohonan yang dibuat dan sekiranya pihak lelaki yang ingin berpoligami telah mendapat kebenaran seperti yang dikehendaki bawah seksyen 23 AUKI 1984 dan pembayaran yang ditetapkan telah dilunaskan, kebenaran perkahwinan akan dibuat. Apabila kebenaran perkahwinan diluluskan, upacara pernikahan hendaklah dilakukan sama ada oleh wali sendiri atau wakil wali di hadapan Pendaftar NCR. Begitu juga pernikahan boleh diterima terus oleh pengantin lelaki dalam majlis ‘aqad ataupun diwakilkan kepada seseorang untuk menerima nikah itu baginya.<sup>27</sup> Selepas upacara ‘aqad nikah selesai, pengantin lelaki dikehendaki membaca lafaz taklik.<sup>28</sup> Peruntukan ini ada di

---

27 S 7 AUKI 1984.

28 S 22 AUKI 1984. Contoh lafaz taklik di Wilayah Persekutuan ialah apabila suami meninggalkan isteri selama empat bulan hijrah atau lebih secara berturut dan dia atau wakilnya tidak memberi nafkah selama masa tersebut sedangkan isteri taat kepadanya atau dia melakukan sebarang mudarat kepadanya dan apabila isteri mengadu kepada Mahkamah Syariah dan apabila sabit aduannya di sisi Mahkamah Syariah, yang menerima bagi pihak suami RM10.00, maka ketika itu tertalaklah dia dengan cara talaq khulu’.

## PROSEDUR DAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN

semua negeri di Malaysia kecuali negeri Perlis dan lafaz taklik agak berbeza sedikit antara satu negeri dengan negeri yang lain. Pengantin lelaki dan perempuan kemudiannya akan diberikan sijil nikah. Dengan itu, pernikahan tersebut telah pun diterima sebagai telah didaftarkan bawah undang-undang keluarga Islam tersebut.

### **Permohonan Kebenaran Kahwin melalui Mahkamah**

Permohonan perkahwinan melalui mahkamah bermaksud sesuatu pernikahan yang dibenarkan oleh Pendaftar NCR hanya setelah mendapat kebenaran bertulis daripada mahkamah. Antara sebab yang memerlukan kebenaran bertulis mahkamah ialah:

#### *Perkahwinan bawah umur*

Apabila pemohon berada bawah umur had minimum, iaitu kurang daripada 18 tahun bagi lelaki dan kurang 16 tahun bagi perempuan.<sup>29</sup>

#### *Perkahwinan janda atau balu*

Seseorang janda yang hendak berkahwin dengan mana-mana lelaki hendaklah mengemukakan perakuan cerai yang sah atau salinan yang diperakui. Sekiranya tiada dokumen tersebut, perempuan itu dikehendaki memohon perakuan janda daripada mahkamah terlebih dahulu sebelum perakuan kahwin dapat dikeluarkan oleh Pendaftar NCR.<sup>30</sup> Begitu juga jika seorang perempuan yang diceraikan sebelum disetubuhi oleh suaminya, beliau tidak boleh berkahwin dengan mana-mana lelaki kecuali dengan kebenaran mahkamah.<sup>31</sup> Bagi seorang balu, beliau dikehendaki mengemukakan surat perakuan kematian suaminya atau cara lain bagi membuktikan kematian suaminya sebelum kebenaran diberikan oleh mahkamah.<sup>32</sup>

---

29 S 8 AUKI 1984.

30 S 14(2) AUKI 1984.

31 S 14(3) AUKI 1984.

32 S 14(4) AUKI 1984.

### ***Masalah ketiadaan wali nikah***

Bagi perempuan yang mempunyai masalah wali untuk menikahkannya, seperti ketiadaan wali nasab mengikut hukum syara‘, atau wali tidak dapat ditemui atau wali adalah wali ‘adal, maka perempuan tersebut boleh membuat permohonan kepada mahkamah untuk dinikahkan secara wali raja/wali hakim.<sup>33</sup> Selepas permohonan dibuat, mahkamah akan menjalankan penyiasatan dengan memanggil pihak-pihak yang terlibat untuk memberi keterangan berkaitan dengan permohonan tersebut. Sekiranya mahkamah berpuas hati dengan permohonan tersebut, mahkamah akan memberi kebenaran untuk dinikahkan perempuan tersebut secara wali raja/wali hakim. Dalam kes *Hasnah Binti Zainol lwn Majlis Agama Islam Kedah*,<sup>34</sup> Hasnah telah memohon kepada mahkamah untuk bernikah melalui wali raja/wali hakim. Ini memandangkan bahawa beliau tidak mempunyai wali nasab yang sah di sisi hukum syara‘ untuk menikahkannya kerana pemohon ialah anak tak sah taraf.

Dalam kes ini, ibu pemohon, Sofiah binti Kassim telah dipanggil untuk memberi keterangan. Sofiah membuat pengakuan bahawa pemohon yang dilahirkan pada tarikh 12 Disember 1970 ialah anak hasil hubungan luar nikah antaranya dengan Zainol bin Hamid. Hanya setelah pemohon dilahirkan, barulah Sofiah berkahwin dengan Zainol pada tarikh 6 Mac 1971. Zainol yang turut hadir ketika permohonan didengar, juga memberi keterangan yang sama seperti Sofiah. Setelah mahkamah berpuas hati mendengar permohonan pemohon dan keterangan saksi-saksi, maka mahkamah meluluskan permohonan pemohon untuk dinikahkan secara wali raja/wali hakim.

Kes *Nur Farahanim Binti Abdullah*<sup>35</sup> pula, ialah contoh permohonan menggunakan wali hakim memandangkan Nur Farahanim ialah saudara baru Islam yang sebelum ini beragama

---

33 S 13(b) AUKI 1984.

34 Kes mal no: 93/98, Pejabat Qadi Daerah Yan, Kedah.

35 Kes mal tahun 1999, Mahkamah Syariah Seri Manjung, Perak.

Kristian. Memandangkan beliau tidak mempunyai wali nikah, maka mahkamah telah membenarkan permohonan beliau menggunakan wali hakim. Kes *Salina Binti Jumri*<sup>36</sup> ialah contoh permohonan wali hakim kerana ayah kandungnya telah menghilangkan diri semenjak pemohon dalam kandungan ibunya lagi. Pelbagai ikhtiar telah dibuat untuk mencari ayah kandungnya namun semuanya tidak berhasil. Oleh sebab dia tidak mempunyai wali yang akan menikahkannya, maka Salina memohon bernikah secara wali hakim. Mahkamah telah membenarkan permohonannya setelah berpuas hati dengan segala alasan dan keterangan oleh saksi-saksi.

### ***Poligami***

Terkini, bawah Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia telah menetapkan sekiranya mana-mana lelaki yang masih beristeri dan berhajat untuk berkahwin dengan mana-mana perempuan lain, hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada mahkamah.<sup>37</sup> Sebelum ini, tiada langkah yang dibuat untuk menyekat seseorang lelaki daripada berkahwin lebih daripada seorang isteri. Negeri Selangor ialah negeri pertama yang mengambil inisiatif memperkemas prosedur berpoligami, iaitu satu borang khas disediakan bagi mereka yang ingin berpoligami. Borang ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang terperinci bagi pihak qadi dalam membuat pertimbangan yang adil untuk membenarkan seorang lelaki itu berpoligami.<sup>38</sup> Pada tahun 1971, negeri Sabah telah mengorak langkah menyediakan peruntukan bahawa seseorang lelaki yang ingin berpoligami mestilah terlebih dahulu mendapat keizinan bertulis daripada isterinya.<sup>39</sup> Akan tetapi, pada tahun 1977, di bawah seksyen yang sama Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Sabah 1977,

---

36 Kes *mal* tahun 2000, Mahkamah Syariah Seri Manjung, Perak.

37 S 23 AUKI 1984.

38 Kaedah-kaedah Pentadbiran Negeri Selangor, 1962 (No 64, P.I.M.S 95/60).

39 S 36 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Sabah 1971.

terdapat peruntukan tambahan yang menetapkan bahawa tidak boleh diupacarakan sesuatu perkahwinan seseorang lelaki yang telah beristeri melainkan mendapat persetujuan bertulis daripada Majlis Agama Islam terlebih dahulu.

Pada tahun 1978, di negeri Johor, terdapat peruntukan yang menetapkan bahawa mana-mana lelaki yang ingin berpoligami hendaklah membuat permohonan kepada Qadi Besar dan sekiranya seseorang lelaki itu tidak bersikap adil terhadap isteri-isterinya berhubung dengan nafkah, pakaian, tempat tinggal dan giliran mengikut hukum syara', adalah melakukan kesalahan yang boleh dikenakan penalti lebih daripada RM500.00 atau penjara tidak lebih daripada tiga bulan atau kedua-duanya sekali.<sup>40</sup> Pada tahun 1982, di negeri Pahang terdapat peruntukan yang mengehendaki mana-mana lelaki yang ingin berpoligami mendapatkan keizinan qadi terlebih dahulu melalui borang-borang yang disediakan. Sekiranya beliau tidak berpuas hati dengan keputusan yang ditetapkan oleh pihak qadi, maka bolehlah membuat rayuan kepada mufti negeri.<sup>41</sup> Pada tahun 1983, di negeri Kelantan terdapat peruntukan yang menentukan seseorang lelaki tidak boleh berpoligami di mana-mana tempat dalam masa beliau masih beristeri kecuali terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada mahkamah. Sekiranya dia berkahwin juga tanpa kebenaran, maka perkahwinan tersebut tidak boleh didaftarkan.<sup>42</sup> Peruntukan yang serupa juga telah didapati di negeri Kedah bawah seksyen 17 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 1984. Akan tetapi, di Kelantan kemudiannya, satu pindaan telah dibuat bahawa perkahwinan tersebut boleh didaftarkan dan suami akan didenda tidak lebih daripada RM300.00 atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu bulan atau kedua-duanya sekali.<sup>43</sup>

---

40 S 15 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Johor 1978.

41 S 65 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982.

42 S 19 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kelantan 1983.

43 S 5 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kelantan (Pindaan) 1984.

## PROSEDUR DAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN

Di Melaka, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan<sup>44</sup> terdapat peruntukan yang menetapkan bahawa permohonan poligami hendaklah dikemukakan ke mahkamah mengikut prosedur yang ditetapkan dan disertai dengan akuan berkanun menyatakan sebab-sebab mengapa perkahwinan itu patut dan perlu, pendapatan pemohon ketika itu, butir-butir komitmen dan tanggungan ke-wangannya, bilangan orang dalam tanggungan dan bakal orang dalam tanggungannya akibat perkahwinan yang dicadangkan itu, dan sama ada keizinan atau pandangan isteri atau isteri-isteri sedia ada telah diperoleh atau tidak terhadap perkahwinan yang dicadangkan itu. Apabila menerima permohonan tersebut, mahkamah akan memanggil pemohon dan isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada supaya hadir ketika permohonan itu didengar dan dijalankan di mahkamah tertutup. Mahkamah boleh memberi kebenaran jika berpuas hati dalam perkara yang berikut:

- (1) bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu adalah patut dan perlu, memandang kepada hal-hal antara lain seperti, kemandulan, keuzuran jasmani, tidak layak secara jasmani untuk bersetubuh, sengaja ingkar mematuhi perintah untuk pemulihan hak-hak untuk bersetubuh atau gila di pihak isteri atau isteri-isteri sedia ada;
- (2) bahawa pemohon berkemampuan untuk menanggung sebagaimana yang dituntut oleh hukum syara' semua isteri dan anak-anak sedia ada dalam tanggungan, termasuklah orang-orang yang bakal menjadi tanggungannya;
- (3) memberi layanan yang sama rata kepada semua isteri mengikut hukum syara'; dan
- (4) perkahwinan yang dicadangkan itu tidak akan menyebabkan "*darar syari'i*" kepada isteri atau isteri-isteri sedia ada.

Satu salinan permohonan dan akuan berkanun hendaklah disampaikan bersama-sama surat panggilan kepada tiap-tiap isteri yang

---

44 S 19 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Melaka 1983, s 23 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 1984 dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984.

sedia ada. Mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah boleh merayu terhadap keputusan itu mengikut cara yang diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran bagi rayuan dalam perkara sivil.

Hampir kesemua prosedur yang ditetapkan bagi kebenaran untuk berpoligami masa kini di bawah Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam adalah serupa. Syarat-syarat yang ditetapkan, peluang yang diberikan kepada isteri atau isteri-isteri sedia ada untuk menyatakan pandangan terhadap perkahwinan yang dicadangkan, telah pun diterima pakai oleh semua negeri di Malaysia. Begitu juga penalti yang ditetapkan bagi suami yang tidak mendapat kebenaran berpoligami adalah diselaraskan, iaitu denda sebanyak RM1000.00 atau penjara tidak melebihi tempoh enam bulan atau kedua-duanya sekali kecuali di Kedah yang mengenakan denda sebanyak RM500.00,<sup>45</sup> manakala Sabah dan Sarawak mengenakan denda yang lebih tinggi, iaitu RM3000.00 atau penjara selama dua tahun atau kedua-duanya sekali.<sup>46</sup> Di samping itu, peruntukan di Kedah juga membenarkan pihak mahkamah memerintahkan pihak suami membayar segala hutang yang masih belum dijelaskan semasa perkahwinan.<sup>47</sup>

Perkembangan terkini ialah pindaan yang dibuat dan telah dikuatkuasakan seperti di beberapa buah negeri contohnya di bawah peruntukan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kelantan 2002 dan diikuti dengan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003.<sup>48</sup> Pindaan berbunyi: "Mahkamah yang memberi kebenaran atau memerintahkan supaya perkahwinan tersebut didaftarkan di bawah seksyen ini, mempunyai kuasa atas permohonan mana-mana pihak kepada perkahwinan, untuk menghendaki seseorang membuat pembayaran nafkah kepada isteri atau isteri-isteri yang sedia ada atau memerintahkan supaya

---

45 S 109(1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kedah 1979.

46 S 128 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Sabah 1992 dan seksyen 125 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Sarawak 1991.

47 S 109(2) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kedah 1979.

48 S 23(10)(a) dan (b).

## PROSEDUR DAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN

apa-apa harta yang telah diperoleh oleh pihak-pihak yang terbabit semasa perkahwinan dengan usaha mereka (yang dianggap sebagai harta sepencarian), dibahagi antara mereka atau mana-mana harta itu dijual dan hasilnya dibahagikan". Peruntukan ini membolehkan harta sepencarian dituntut semasa suami mengemukakan permohonan untuk berpoligami. Sebelum pindaan, pembahagian harta sepencarian hanya boleh dibuat apabila berlaku perceraian atau kematian. Pindaan ini dapat mengelakkan kekeliruan apabila harta suami bercampur dengan harta isteri yang sedia ada dengan bakal isteri.

Selain itu, bagi syarat pertama berpoligami seperti yang diperuntukkan bawah seksyen 23(5)a, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003 dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kelantan 2002 telah dipinda, iaitu syarat bahawa bakal perkahwinan itu adalah "patut dan perlu" dipinda kepada "patut atau perlu". Walaupun tujuan pindaan frasa ini dilihat seolah-olah memberi sedikit kelonggaran terhadap pihak suami untuk berpoligami, namun tidak ada perubahan yang ketara dengan pindaan pada perkataan tersebut. Ini adalah kerana syarat untuk berpoligami masih lagi termaktub di bawah perenggan (a) hingga (d) yang menjurus kepada adil seperti yang dituntut oleh hukum syara'. Secara keseluruhannya, prosedur poligami masih dilihat sebagai ketat dan akan menjurus kepada segelintir orang untuk melangsungkan perkahwinan tersebut di luar negara tanpa keizinan.

Walaupun begitu pindaan serupa di Wilayah-wilayah Persekutuan yang telah diluluskan oleh Dewan Negara pada 22 Disember 2005, iaitu Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-wilayah Persekutuan (Pindaan) 2005 telah disensasikan oleh beberapa NGO wanita yang mengakibatkan pindaan ini tidak dapat dikuatkuasakan lagi (setakat artikel ini ditulis).<sup>49</sup> Pihak NGO wanita ini membantah perlaksanaan pindaan ini atas dasar bahawa pindaan ini akan menzalimi pihak wanita. Menurut Datuk Seri Shahrizat Abd. Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga

---

49 *Berita Harian*, Ahad, 15 Januari 2006.

dan Masyarakat, pindaan yang telah dilakukan bukanlah untuk menzalimi wanita. Ia dilaksanakan untuk menjaga kebajikan dan kemaslahatan mereka. Kontroversi yang timbul adalah kerana kejahilan terhadap undang-undang dan kekeliruan yang telah ditimbulkan oleh pihak-pihak tertentu.<sup>50</sup> Pindaan terbaharu ini sebenarnya memberi kuasa penambahbaikan poligami yang secara tidak langsung memberi kesan terhadap perkahwinan luar negara. Namun demikian, terlalu awal untuk melihat keberkesanannya. Boleh disimpulkan di sini bahawa pindaan ini dapat memberi kesan yang nyata pada perkahwinan poligami tanpa keizinan di luar negara.

Dalam kes poligami *Fahrul Rodzi bin Lon lwn Majlis Agama Islam Kedah*,<sup>51</sup> pemohon telah memohon kepada mahkamah untuk berpoligami. Ketika itu pemohon telah mempunyai seorang isteri, Norida binti Samah dan empat orang anak. Selepas berkahwin dengan isterinya, kedua-dua pemohon dan isterinya tinggal di Kuala Lumpur. Pemohon yang merupakan seorang peniaga komputer dengan pendapatan RM3500.00 kemudiannya telah pulang semula ke Kedah untuk bekerja di sana. Pemohon telah mengajak pihak isteri untuk pulang semula ke Kedah tetapi dia enggan. Atas alasan ini pemohon ingin berkahwin dengan bakal isteri. Mahkamah telah memanggil pemohon dan isteri sedia ada untuk mendengar permohonan poligami pemohon. Dalam perbicaraan itu pemohon membuat perjanjian dengan pihak isteri untuk memberikan nafkah kepada isteri dan anak-anak sebanyak RM2000.00 sebulan. Perjanjian itu dipersetujui dan tidak mendapat apa-apa bantahan daripada pihak isteri. Setelah mahkamah mendengar dan berpuas hati bahawa pernikahan itu adalah patut, maka mahkamah memberi kebenaran kepada pemohon untuk berpoligami.

### ***Tempat pernikahan***

Tiap-tiap pernikahan hendaklah dijalankan dalam qaryah masjid tempat salah satu atau kedua-dua pihak itu bermastautin. Walau

50 Berita Harian, Ahad, 12 Februari 2006.

51 Kes mal no. 88/99, Mahkamah Qadi Daerah Yan, Kedah.

## PROSEDUR DAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN

bagaimanapun, perkahwinan boleh diadakan di tempat lain sama ada di qaryah atau di negeri lain sekiranya Pendaftar NCR atau Hakim Syari'i di qaryah pemohon berkenaan memberi kebenaran untuk berbuat demikian.<sup>52</sup>

### **PROSEDUR PERKAHWINAN LUAR NEGERI**

Perkahwinan di luar negeri adalah perkahwinan yang dilakukan di luar Malaysia oleh rakyat di negeri masing-masing. Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam yang sedia ada bukanlah bertujuan menyekat atau menggalakkan perkahwinan berlaku di luar negeri, tetapi untuk memberi perlindungan yang sewajarnya kepada seseorang itu. Walau bagaimanapun perkahwinan itu mestilah mengikut hukum syara' dan peruntukan undang-undang yang telah termaktub dan diiktiraf di negara ini. Prosedur perkahwinan luar negeri boleh dibahagi kepada empat seperti yang berikut:

#### **Perkahwinan Luar Negeri di Kedutaan-Kedutaan<sup>53</sup>**

Bagi orang Islam dari Malaysia yang tinggal sementara di luar negeri sama ada kerana melanjutkan pelajaran, bekerja dan sebagainya, boleh dinikah dan didaftarkan bawah Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam masing-masing oleh Pendaftar NCR yang dilantik<sup>54</sup> di Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi atau Pejabat Konsul Malaysia. Namun demikian, pasangan yang akan berkahwin mestilah mematuhi syarat-syarat yang tertentu, iaitu salah seorang atau kedua-dua pihak yang akan berkahwin ialah pemastautin di negerinya, tiap-tiap satu pihak mempunyai keupayaan untuk berkahwin mengikut hukum syara' dan undang-undang yang ditetapkan dan jika salah satu pihak bukan pemastautin di negerinya, perkahwinan yang dicadangkan itu jika di'aqadnikahkan, akan

---

52 S 20 AUKI 1984.

53 S 24 AUKI 1984.

54 S 28(3) AUKI 1984 – Pendaftar dimaksudkan ialah mana-mana anggota staf diplomatik Malaysia yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong melalui warta untuk menjadi pendaftar NCR di negara itu.

dikira sebagai sah di tempat pihak itu bermastautin. Atur cara bagi pernikahan dan pendaftaran perkahwinan ini adalah sama seperti atur cara pernikahan yang dilaksanakan di dalam negeri.

### **Perkahwinan Luar Negeri Selain di Kedutaan**

Seksyen 108 AUKI 1984 memperuntukkan pernikahan orang Islam yang tinggal sementara di luar negeri yang dilakukan selain pernikahan yang dilaksanakan di Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi atau Pejabat Konsul Malaysia, hendaklah diiktiraf sebagai sah jika tiap-tiap pihak mempunyai keupayaan bernikah di tempat dia bermastautin, perkahwinan dilakukan mengikut cara yang dikehendaki dan dibenarkan oleh tempat ia telah dilakukan dan kedua-dua pihak mestilah mempunyai keupayaan berkahwin mengikut Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri masing-masing. Setelah berkahwin dan dalam tempoh enam bulan daripada tarikh perkahwinan itu, pihak terbabit hendaklah mendaftarkan pernikahan mereka itu di hadapan mana-mana Pendaftar NCR sama ada di Kedutaan Malaysia dan sebagainya di luar negeri atau pendaftar NCR di negeri mereka sendiri di Malaysia. Atur cara pernikahan dan pendaftaran sama seperti yang dilaksanakan di dalam negeri. Walau bagaimanapun perkahwinan poligami di luar negeri tanpa kebenaran oleh Pendaftar NCR terlebih dahulu tidak boleh didaftarkan melainkan setelah dikenakan penalti terlebih dahulu.

### **Perkahwinan Luar Negeri dengan Kebenaran**

Perkahwinan luar negeri dengan kebenaran bermaksud perkahwinan yang dilakukan di luar Malaysia oleh rakyat Islam negara ini dengan mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Pendaftar NCR negeri masing-masing. Mereka yang ingin melangsungkan perkahwinan di luar Malaysia, hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Pendaftar NCR di daerahnya. Proses untuk kebenaran ini adalah seperti yang dijelaskan dalam proses permohonan perkahwinan biasa. Di samping itu, pemohon hendaklah memberi alasan-alasan yang munasabah untuk berkahwin di luar negeri.

## PROSEDUR DAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN

Pendaftar NCR boleh memberi kebenaran kepada pemohon setelah berpuas hati dengan alasan-alasan yang dikemukakan oleh pemohon. Borang kebenaran nikah di luar negeri akan dikeluarkan kepada pemohon setelah pihak Pendaftar NCR memberi kebenaran. Kebenaran tersebut hendaklah diserahkan dan dibawa kepada jurunikah tempat pemohon akan melakukan pernikahan.

Setelah berkahwin di luar negeri maka pihak yang terlibat perlu mendaftar perkahwinan itu dengan segera kepada Pendaftar NCR di negeri masing-masing. Untuk mendaftar perkahwinan pihak yang terlibat perlu mengemukakan semua dokumen yang berkaitan seperti sijil nikah, pasport antarabangsa atau pas ke luar negeri dan lain-lain lagi. Setelah Pendaftar NCR berpuas hati terhadap kesahan pernikahan itu, ia akan didaftarkan.

### **Perkahwinan Luar Negeri Tanpa Kebenaran**

Perkahwinan ini bermaksud mana-mana orang yang bermukim atau bermastautin di mana-mana negeri di Malaysia yang ingin berkahwin di luar negeri tanpa kebenaran Pendaftaran NCR di daerahnya terlebih dahulu. Kebiasaannya, perkahwinan ini dilakukan oleh mereka yang bermasalah dengan perkahwinan yang bakal dilangsungkan di negeri mereka. Permasalahan yang kerap timbul biasanya bagi mereka yang tidak mendapat persetujuan isteri sedia ada untuk berpoligami atau tidak mendapat keizinan wali atas sebab-sebab tertentu. Di Malaysia, kerajaan telah membuat persetujuan bersama (*Memorandum of Understanding*) dengan kerajaan Thailand mengiktiraf jurunikah yang bertauliah daripada lima daerah di selatan Thailand, iaitu Narathiwat, Pattani, Satun, Songkhla dan Yala bagi membantu mereka yang bermasalah ini.<sup>55</sup> Jika seseorang yang bermastautin atau bermukim dalam negeri ini telah bernikah di luar negeri dengan sah mengikut hukum syara', orang itu hendaklah dalam masa enam bulan selepas tarikh pernikahan, hadir di hadapan Pendaftar NCR yang berhampiran di luar negeri untuk mendaftarkan perkahwinan tersebut.

---

55 *Berita Harian*, Sabtu, 21 September 1996.

## UNDANG-UNDANG KELUARGA (ISLAM)

Jika Pendaftar NCR di luar negeri yang dilantik tidak ada atau jika sebelum tamat tempoh enam bulan pihak terlibat telah kembali ke negeri mereka, pihak yang terlibat boleh mendaftarkan perkahwinan mereka kepada Pendaftar NCR di negeri masing-masing. Untuk mendaftar perkahwinan tersebut, pihak yang terlibat hendaklah mengemukakannya kepada Pendaftar NCR apa-apa keterangan sama ada lisan atau bertulis yang boleh memuaskan hati Pendaftar NCR bahawa perkahwinan itu telah berlaku secara sah mengikut hukum syara'. Sekiranya Pendaftar NCR berpuas hati dengan keterangan daripada pihak terlibat itu dan setelah mendapat pengesahan daripada pihak yang melantik jurunikah dan mengeluarkan sijil nikah tersebut, maka ia boleh mendaftarkan perkahwinan itu dan begitulah sebaliknya.

Menjadi satu kesalahan bagi mereka yang bermastautin atau bermukim di negara ini melangsungkan perkahwinan dengan sengaja di luar negeri tanpa mendapat kebenaran Pendaftar NCR terlebih dahulu. Sekiranya perkahwinan itu bukan poligami pihak yang terlibat itu boleh dikenakan denda tidak melebihi RM1000.00 atau enam bulan penjara atau kedua-duanya sekali. Selepas membayar denda, barulah perkahwinan tersebut didaftarkan bawah undang-undang yang diperuntukkan.

Terkini, mana-mana perkahwinan tanpa kebenaran yang hendak didaftarkan bawah Akta atau Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri hendaklah disahkan terlebih dahulu. Perkahwinan tanpa kebenaran ini merujuk kepada perkahwinan yang berlaku di luar Malaysia, kebanyakannya berlaku di Thailand. Hal ini demikian kerana agak ramai pasangan yang mengambil kesempatan untuk kahwin lari di sana bagi mengatasi masalah yang mereka hadapi. Kebanyakan perkahwinan ini dinikahkan melalui wali raja atau wali hakim yang tidak dapat dipastikan sama ada bertauliah ataupun tidak. Kesempatan ini telah diambil oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk menikahkan pasangan tersebut dengan tujuan komersial atau lebih dikenali sebagai "kahwin sindiket". Pihak-pihak ini telah meletakkan bayaran yang agak tinggi dan tidak menghiraukan sama ada perkahwinan yang mereka sediakan itu memenuhi kehendak hukum syara' ataupun

## PROSEDUR DAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN

tidak. Yang utama, pasangan yang terdesak dapat di“kahwin”kan dan mereka pula mendapat wang.

Memandangkan keadaan ini, satu ketetapan telah diambil, iaitu mana-mana orang yang bermastautin atau bermukim di negara ini yang berkahwin di luar negeri tanpa kebenaran, maka perkahwinan itu, sebelum didaftarkan, hendaklah dibuat pengesahan di mahkamah terlebih dahulu. Setelah mahkamah mendapati perkahwinan itu adalah sah dan pasangan dikenakan penalti, barulah perkahwinan tersebut akan didaftarkan. Sekiranya perkahwinan didapati tidak memenuhi kehendak hukum syara‘, pasangan terlibat akan difaraqkan (dipisahkan) dan penalti akan dikenakan.

## MENGAPA PERLU MENDAFTAR PERKAHWINAN?

Pendaftaran perkahwinan ialah proses terakhir dalam pelaksanaan pernikahan. Peruntukan bagi mendaftarkan pernikahan memang tidak terdapat dalam al-Qur'an atau sunnah tetapi ia bukanlah sesuatu yang dilarang. Para *fuqaha'* berpendapat bahawa merekodkan sesuatu perkahwinan (*al-kitabat*) adalah satu maslahat atau keperluan. Namun, hendaklah diingatkan bahawa mendaftarkan atau tidak mendaftarkan perkahwinan tidaklah menentukan kesahan atau batalnya satu perkahwinan. Sekiranya sesuatu perkahwinan itu dilaksanakan dengan sempurna mengikut hukum syara‘ ia tetap sah walaupun tidak didaftarkan. Pendaftaran perkahwinan hanyalah syarat tambahan dan bukanlah sebahagian daripada rukun atau syarat sah suatu akad perkahwinan.<sup>56</sup> Menurut Profesor Mahmood Zuhdi bin Haji Abdul Majid, pendaftaran perkahwinan walaupun tidak pernah dinaskan dalam mana-mana hadith, namun cara ini sememangnya diperlukan bagi mengelak daripada berlakunya penyelewengan. Dalam hal ini, Islam banyak melihat kepada keperluan semasa selagi tidak bertentangan dengan mana-mana nas syara‘ baik secara khusus maupun secara umum.<sup>57</sup>

56 Tanzil-ur-Rahman, 1994. *A Code of Muslim Personal Law*, hlm. 88.

57 Mahmood Zuhdi bin Haji Abdul Majid, 1993. *Kursus Perkahwinan dan Undang-Undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Dasar Cetak (M) Sdn. Bhd., hlm. 33.

Di sesetengah negara Islam yang kurang teratur sistem undang-undang kekeluarganya, perkahwinan di luar undang-undang, iaitu perkahwinan yang memenuhi hukum syara' tanpa mengikut prosedur pentadbiran yang terpakai, berlaku secara meluas. Akibatnya, banyak penyelewengan telah berlaku dan ramai yang mengalami kepayahan terutamanya pihak isteri dan anak-anak apabila berlaku perceraian. Sebenarnya, perkahwinan seperti ini tidak dilindungi oleh mana-mana undang-undang kekeluargaan, maka segala permasalahan yang berlaku tidak dapat diselesaikan di mahkamah. Di Malaysia, bawah Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam telah memperuntukkan undang-undang yang mewajibkan pendaftaran perkahwinan.<sup>58</sup> Dalam hal ini pendaftar yang bertauliah<sup>59</sup> akan mengeluarkan satu surat perakuan nikah dalam borang yang telah ditetapkan kepada kedua-dua pihak dalam perkahwinan.<sup>60</sup> Kegagalan mendaftar perkahwinan sebagaimana yang dikehendaki di bawah peruntukan undang-undang yang ditetapkan akan mengakibatkan denda mengikut kadar yang diperuntukkan di bawah undang-undang keluarga Islam negeri masing-masing ataupun hukuman penjara ataupun kedua-duanya sekali.

## **SEBAB-SEBAB PENDAFTARAN**

Antara sebab diperlukan pendaftaran perkahwinan adalah seperti yang berikut:

### **Urusan Tuntutan Hak**

Hak-hak semasa perkahwinan, seperti tuntutan nafkah isteri, mahar yang tertunggak, nafkah anak-anak, penentuan nasab anak, tempat tinggal serta tuntutan selepas berlaku perceraian, seperti tuntutan nafkah 'iddah, nafkah anak-anak, mut'ah, harta sepencarian, dan hak penjagaan anak dan lain-lain tidak akan terlaksana melainkan

58 S 25 AUKI 1984.

59 S 28 AUKI 1984.

60 S 26 AUKI 1984.

## PROSEDUR DAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN

sesuatu perkahwinan itu dibuktikan sah dan didaftarkan. Ini termasuklah juga untuk mendapatkan hak sekiranya berlaku kematian sebagai contoh pembahagian harta melalui faraid, pencensi mati dan perkara lain yang bersangkutan, tidak boleh dituntut. Oleh itu, bagi setiap urusan yang berkaitan, permohonan di mahkamah yang melibatkan pihak suami dan isteri hendaklah disertakan sijil nikah yang dikeluarkan oleh negeri masing-masing. Penyertaan dokumen sijil nikah ini adalah satu kemestian. Sekiranya tidak, permohonan itu akan ditolak oleh Pendaftar mahkamah sebelum didengar dan dibicarakan oleh hakim.

### **Urusan Pembubaran Perkahwinan**

Mana-mana pasangan yang hendak memohon pembubaran perkahwinan sama ada melalui talak<sup>61</sup> atau khulu<sup>62</sup> atau taklik<sup>63</sup> atau li'an<sup>64</sup> atau fasakh,<sup>65</sup> hendaklah pernikahan mereka didaftarkan terlebih dahulu di bawah Akta atau Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri masing-masing.<sup>66</sup> Ini bermakna perkahwinan yang tidak didaftarkan bawah undang-undang keluarga yang sedia ada, akan menyebabkan permohonan mereka untuk membubarkan perkahwinan akan ditolak oleh mahkamah.

### **Pasangan Boleh Dituduh di Bawah Kesalahan Berkhalwat**

Selain perkara atas, pasangan juga boleh dituduh di bawah kesalahan khalwat. Ini diperuntukkan bawah seksyen 27, Enakmen Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan dan peruntukan yang serupa di negeri-negeri lain di Malaysia. Hal ini demikian kerana pasangan tersebut tidak mempunyai dokumen untuk membuktikan perkahwinan mereka. Pasangan tersebut boleh didenda RM3000.00 atau di-penjarakan dua tahun atau kedua-duanya sekali apabila kesalahan

---

61 S 47 AUKI 1984.

62 S 49 AUKI 1984.

63 S 50 AUKI 1984.

64 S 50A AUKI 1984.

65 S 52 AUKI 1984.

66 S 45 AUKI 1984.

mereka disabitkan oleh mahkamah. Dalam kes *Pendakwa Syari'i lwn Zahar Bin Samad*,<sup>67</sup> yang dituduh telah melakukan kesalahan khalwat dengan pasangannya Zuraini binti Zainol, yang dituduh tidak dapat membuktikan bahawa mereka ialah suami isteri kerana ketiadaan sijil nikah. Mahkamah telah memutuskan yang dituduh bersalah dan dihukum denda sebanyak RM1200.00 atau empat bulan penjara.

### **Pasangan Boleh Dituduh Berkahwin Tanpa Kebenaran**

Sekiranya pasangan tersebut telah berkahwin dan mempunyai sijil nikah yang tidak diiktiraf oleh mana-mana Akta atau Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri, pasangan tersebut boleh didakwa seperti bawah seksyen 39, AUKI 1984, iaitu perkahwinan yang tidak dibenarkan. Apabila sabit kesalahan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM1000.00 atau denda tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali. Dalam kes *Pendakwa Syari'i lwn Norsiah Binti Zainuddin*,<sup>68</sup> pasangan yang bernama Sharani bin Maalam dan Norsiah binti Zainuddin telah berkahwin secara poligami tanpa kebenaran Pejabat Agama Islam Daerah Gombak Timur. Perkahwinan ini adalah kali pertama bagi Norsiah manakala bagi Sharani adalah perkahwinannya yang kedua. Setelah meneliti keterangan dan bukti-bukti yang dilampirkan, mahkamah mendapati perkahwinan adalah sah di sisi hukum syara'. Walaupun begitu pasangan tersebut didapati bersalah kerana tidak mendapatkan kebenaran untuk bernikah daripada Pejabat Agama Islam Daerah Gombak Timur dan telah dikenakan denda RM600.00 atau penjara 10 hari atau kedua-duanya sekali.

Manakala kes *Pendakwa Syari'i lwn Zainol Bin Ibrahim dan Ruzita Binti Zainon*<sup>69</sup> merupakan kes perkahwinan tanpa kebenaran daripada Jabatan Agama Islam Daerah Bentong, Pahang. Pasangan

---

67 Kes jenayah no: 14/99, Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Kota Setar, Kedah.

68 Kes mal no:1007.165.06/2003, Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur, Selangor.

69 Kes mal tahun 2003, Mahkamah Rendah Syariah Bentong, Pahang.

## PROSEDUR DAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN

telah memberi keterangan bahawa mereka telah berkahwin di Majlis Agama Islam Songkhla, Thailand. Perkahwinan ini dilangsungkan di sana kerana mereka telah terlanjur dan pihak tertuduh perempuan telah pun mengandung. Pasangan ini telah terbukti melakukan kesalahan bawah seksyen 40, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang yang boleh dijatuhi hukuman denda tidak melebihi RM1000.00 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Dalam kes *Pendakwa Syari'i lwn Syed Abdul Qahar Bin Syed Ahmad dan Wirdahani Binti Mohd Nor*,<sup>70</sup> kedua-dua pasangan adalah dari Terengganu. Mereka mengambil keputusan berkahwin tanpa kebenaran kerana wali pihak perempuan enggan menerima Syed Abdul Qahar sebagai menantu kerana beliau berketurunan Syed. Wali pihak perempuan beranggapan bahawa sesiapa yang berketurunan Syed kebiasaannya sukar untuk dibawa berbincang. Oleh itu, pasangan tersebut mengambil keputusan berkahwin berwalikan wali hakim dari Majlis Agama Islam Narathiwat, Thailand, iaitu Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Abdul Samad. Selepas meneliti semua keterangan dan bukti, mahkamah mensabitkan bahawa perkahwinan mereka sah di sisi hukum syaria', tetapi pasangan didapati bersalah kerana tidak mendapat kebenaran berkahwin di luar negeri terlebih dahulu. Oleh itu, kedua-dua pasangan dikenakan denda terlebih dahulu sebelum perkahwinan mereka boleh didaftarkan.

## PERKAHWINAN YANG TIDAK BOLEH DIDAFTARKAN

Seperti yang telah diperkatakan sebelum ini bahawa setiap perkahwinan bawah Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia, hendaklah didaftarkan sebaik sahaja perkahwinan mengambil tempat. Namun demikian, perlu diingat bahawa sekiranya sesuatu perkahwinan itu tidak sah, iaitu

---

<sup>70</sup> Kes *mal* no: 11006-010(1)-1-2003, Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu, Terengganu.

perkahwinan yang tidak memenuhi kehendak hukum syara', maka ia tidak boleh didaftarkan.<sup>71</sup>

## KAWIN LARI

*Nasi lemak buah bidara,  
Sayang selasih hamba lurutkan;,  
Buang emak buang saudara,  
Kerana kekasih hamba turutkan.*

Serangkap pantun di atas merujuk kepada tindakan segelintir pasangan baik yang muda ataupun yang tua, tanpa berfikir panjang akan risiko yang akan mereka ambil, mengambil jalan mudah untuk menyelesaikan masalah bakal perkahwinan mereka dengan berkahwin lari. Kahwin lari seperti yang telah dibincangkan, boleh diistilahkan sebagai perkahwinan yang tidak mendapat persetujuan wali dan perkahwinan yang tidak mengikut peruntukan bawah Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri. Kes-kes kahwin lari telah lama berlaku dan semakin hari semakin bertambah jumlahnya walaupun langkah-langkah tertentu diambil untuk mengurangkan bilangannya.

Pertambahan kes-kes kahwin lari memberi implikasi seolah-olah peruntukan sedia ada di bawah Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia terlalu ketat dan menyusahkan umat Islam di negara ini, sedangkan kesahan perkahwinan adalah ditentukan dengan memenuhi rukun di bawah hukum syara'. Walaupun begitu bilangan kes kahwin lari di negeri-negeri di Malaysia tidak dapat ditentukan dengan tepat. Hal ini demikian kerana kes seperti ini diketahui hanyalah apabila pihak wali membuat pengaduan kepada pihak berkuasa atau pasangan itu sendiri yang tampil menyerah diri untuk mendaftar semula perkahwinan mereka yang dilakukan tanpa kebenaran. Negara yang menjadi sasaran utama untuk kahwin lari ialah Thailand memandangkan Malaysia bersempadan dengan negara ini. Negeri-negeri yang bersempadan

---

71 S 12(1) AUKI 1984.

## PROSEDUR DAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN

dengan Thailand seperti Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis menunjukkan angka yang agak tinggi bilangan pasangan berkahwin lari kerana rakyat di negeri-negeri ini mendapat kemudahan pas untuk keluar masuk ke Thailand, yang memudahkan mereka menyelesaikan hajat mereka.

Terkini negara Indonesia pula menjadi sasaran bagi pasangan untuk berkahwin lari seperti di Medan, Sumatera Utara dan Barat, Jawa Barat dan Timur, Jambi, Kalimantan, Bukit Tinggi, Padang, Deli, Kampar, Hilir Riau, Aceh (sebelum dilanda Tsunami), Bengkalis, Kambawang, Gemuh dan lain-lain.<sup>72</sup> Selain Thailand dan Indonesia negara lain yang menjadi tempat untuk berkahwin lari termasuklah India, Pakistan, Bangladesh, Singapura, Kampuchea, Filipina dan negara-negara lain.<sup>73</sup>

### **FAKTOR-FAKTOR BERLAKUNYA KAHWIN LARI**

Beberapa faktor di bawah telah dikenal pasti sebagai punca mengapa pasangan berkahwin lari.

#### **Wali**

Faktor utama kahwin lari ialah keengganan wali menikahkan perempuan bawah jagaannya dengan lelaki pilihan hati mereka. Antara sebab keengganan ialah wali telah mempunyai calon menantu mereka sendiri, pilihan anak mereka tidak sekufu dari segi keturunan, pangkat, agama, budaya, pihak lelaki telah beristeri, pihak perempuan sendiri bawah umur dan lain-lain. Dalam kes *Pendakwa Syari'i Iwn Baharudin Bin Abdul Rashid dan Seorang Lagi*,<sup>74</sup> pengantin lelaki berumur 22 tahun manakala pengantin

---

72 Ini adalah akibat berlakunya rentetan peristiwa berdarah antara pihak pejuang Islam dan tentera kerajaan Thailand seperti pembunuhan di Masjid Krisek, Pattani, letupan bom di Sungai Golok, pembunuhan beramai-ramai di Tak Bai dan tempat lain di selatan Thailand yang mengurangkan peratusan pasangan di Malaysia untuk perkahwinan di sini.

73 Pecahan statistik permohonan pendaftaran nikah luar negara, Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur tahun 2004 dari segi tempat perkahwinan.

74 Kes mal no: 14/91, Mahkamah Syariah Alor Setar, Kedah.

perempuan berumur 16 tahun. Wali enggan memberi persetujuan kerana pengantin perempuan tersebut masih muda. Manakala dalam kes *Pendakwa Syari'i lwn Haji Ahmad dan Che' Rosita Husin*<sup>75</sup> tertuduh pertama telah menceraikan isterinya untuk berkahwin dengan tertuduh kedua, iaitu adik isterinya. Oleh sebab itu wali enggan menikahkan mereka dan pasangan tersebut mengambil jalan penyelesaian mudah dengan berkahwin menggunakan wali hakim di Thailand.

### **Poligami**

Poligami juga adalah antara faktor utama yang banyak menyumbang kepada kahwin lari. Kebiasaan perkara ini berlaku kerana proses poligami yang rumit dan memakan masa, permohonan poligami yang telah ditolak oleh mahkamah dan ingin menyorokkan bakal perkahwinan kerana tidak mendapat keizinan isteri atau isteri-isteri sedia ada. Dalam kes *Pendakwa Syari'i lwn Bukhari Bin Abdul Ghani dan Wan Ruzita Binti Wan Ngah*.<sup>76</sup> Bukhari, tertuduh pertama yang sudah beristeri ingin mengambil tertuduh kedua, Wan Ruzita sebagai isteri keduanya. Malangnya isteri pertama tidak bersetuju. Mereka telah mengambil keputusan berkahwin di Thailand dengan berwalikan wali hakim, iaitu Haji Mat Daud bin Haji Mat Saman, daripada Majlis Agama Islam Narathiwat. Walaupun begitu tertuduh telah dikenakan penalti apabila ingin mendaftarkan perkahwinan mereka kerana tidak mendapat kebenaran daripada pihak pejabat agama terlebih terdahulu.

### **Hamil di Luar Perkahwinan**

Terdapat pasangan yang terdesak berkahwin di Thailand untuk menutup malu ataupun setelah pihak lelaki dipaksa dan diugut oleh pihak keluarga masing-masing supaya bertanggungjawab setelah pihak perempuan telah hamil di luar perkahwinan.

---

75 Kes *mal* no: 50/91, Mahkamah Syariah Alor Setar, Kedah.

76 Kes *mal* no: 11006-010(1) 3/03, Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu, Terengganu.

### **Masalah Khalwat**

Bagi mengelakkan pasangan daripada disabitkan dengan kesalahan jenayah khalwat, pasangan yang terlibat akan berkahwin di Thailand untuk mendapatkan sijil nikah sebagai bukti dan pembelaan di mahkamah bahawa mereka telah berkahwin semasa ditangkap seperti dalam kes yang dilaporkan dalam surat khabar *New Straits Times*, *Berita Harian* dan *Harian Metro*<sup>77</sup> antara pelakon Khalidah Adibah binti Ahmad (yang dikenali sebagai Aida Rahim) dengan penyanyi Joe Radzwill, yang telah ditangkap oleh bahagian Penguat Kuasa Jabatan Agama Islam Selangor dan dituduh melakukan kesalahan khalwat di Kondo Tiara.

### **Lebih Cepat dan Mudah**

Perkahwinan cara ini lebih cepat dan mudah kerana tidak perlu melalui proses temu duga atau menjalani kursus praperkahwinan terlebih dahulu. Menurut jurunikah daerah Sadao, Thailand, Shafiee Manap, setiap pasangan dari Malaysia yang berkahwin di sini bukan sahaja menjalani perkahwinan yang mudah, bahkan dengan bayaran yang dikenakan sebanyak RM300.00 sahaja mereka dapat menyempurnakan perkahwinan mereka termasuklah khidmat jurunikah, saksi dan urusan pendaftaran bagi pengeluaran sijil nikah yang sah.<sup>78</sup>

### **Belanja Kahwin yang Tinggi**

Tidak dapat dinafikan belanja kahwin yang tinggi juga merupakan pemangkin peningkatan jumlah kahwin lari. Ada antara pihak lelaki yang tidak berupaya untuk menyediakan hantaran dan perbelanjaan kenduri yang tinggi seperti yang diminta oleh pihak keluarga perempuan. Dengan berkahwin di Thailand, mereka hanya perlu membayar mas kahwin dan upah kahwin yang murah

---

77 <http://www.artismelayu.net/aidarahim1.html>/

78 [http://www.bharian.com.my/m/BHarian/Friday/Nasional /20050311012626/ Article/](http://www.bharian.com.my/m/BHarian/Friday/Nasional /20050311012626/Article/)

dan tidak perlu memberikan hantaran yang kebiasaannya di luar kemampuan pihak lelaki.

### **Adanya Sindiket Kahwin Lari**

Kehadiran sindiket yang menyediakan khidmat jurunikah dan saksi-saksi nikah juga memudahkan pasangan yang bermasalah untuk berkahwin lari. Pasangan yang ingin berkahwin hanya perlu menghubungi pihak-pihak tertentu (yang kadangkala dikenali sebagai ulat) di sempadan Malaysia dan mereka akan membawa pasangan berjumpa dengan imam dan saksi-saksi nikah yang bersedia menikahkan mereka pada bila-bila masa sahaja. Dengan kewujudan sindiket sebegini, kahwin lari boleh dilakukan dengan mudah kerana pasangan tersebut tidak perlu lagi bersusah payah mencari jurunikah dan saksi-saksi nikah. Ada juga sindiket yang memberi kemudahan (dengan bayaran yang lebih sedikit) kepada pasangan untuk berkahwin lari dengan membawa jurunikah dan saksi-saksi dari Thailand ke Malaysia untuk menikahkan mereka dan memberikan sijil nikah Thailand. Hal ini memudahkan lagi kepada pasangan bermasalah kerana tidak perlu lagi ke sempadan yang akan melibatkan penggunaan pasport atau pas perjalanan. Akibatnya, timbulah isu sijil kahwin palsu yang tidak diiktiraf oleh Majlis Agama Islam selatan Thailand dan kerajaan Malaysia, kerana pasangan tersebut dinikahkan oleh mereka yang tidak bertauliah. Hal ini hanya disedari apabila pasangan ingin mendaftar semula perkahwinan mereka.

### **Kurang Kefahaman Agama dan Peruntukan Undang-Undang Sedia Ada**

Kurang kefahaman agama tentang persoalan rukun perkahwinan dan perkara-perkara berkaitan dengannya seperti masalah perwali'an, merupakan faktor penyebab kahwin lari. Penggunaan wali raja/ wali hakim di luar negara atau di mana-mana tempat tanpa kebenaran pihak berkuasa atas sebab wali tidak bersetuju dan tidak mengizinkan perkahwinan, lantas pasangan menggunakan alasan wali berada lebih daripada 2 marhalah/60 batu/96 kilometer

dari tempat berlangsungnya pernikahan tidak boleh diterima sewenang-wenangnya. Hal ini demikian kerana pasangan tersebut sendiri yang melarikan diri daripada wali dan bukannya wali yang ghaib. Masalah wali tidak memberi persetujuan boleh diselesaikan melalui peruntukan undang-undang keluarga Islam melalui permohonan perkahwinan menggunakan wali raja/wali hakim di daerah masing-masing.<sup>79</sup>

### **Implikasi Kahwin Lari**

Kahwin lari pada keseluruhannya memberi implikasi yang buruk daripada yang baik. Implikasi ini boleh dilihat seperti yang berikut:

#### ***Terhadap Pasangan***

Tidak dinafikan kahwin lari memberi implikasi yang amat besar terhadap pasangan tersebut baik dari segi undang-undang mahupun sosial. Ia akan lebih ketara jika perkahwinan itu dilanda krisis rumah tangga atau lebih rumit lagi jika berlakunya perceraian kerana perkahwinan tersebut tidak memenuhi peruntukan bawah Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri. Pada umumnya, kahwin lari tidaklah semestinya tidak sah kerana ia mungkin telah memenuhi kehendak rukun dan syarat-syarat bawah hukum syara'. Pasangan dianggap sebagai telah melakukan kesalahan kerana telah melanggar peruntukan dan prosedur yang sedia ada dan akan dikenakan penalti yang ditetapkan.

Sekiranya pasangan ingin mendaftar semula perkahwinan, mereka perlu melalui prosedur pengesahan perkahwinan terlebih dahulu. Pertama sekali, pasangan terbabit hendaklah memohon pendaftaran semula perkahwinan melalui penyelia agama di Pejabat

79 *Berita Harian*, Khamis, 9 Februari 2006. Alasan ini telah digunakan oleh pasangan Wan Nor Shahida Wan Mohammad dan Wan Azman Wan Abu ketika merayu agar hukuman mereka dikurangkan di atas kesalahan mereka bernikah di luar qaryah. Pasangan tersebut tidak mengetahui bahawa adanya prosedur untuk permohonan berkahwin menggunakan wali hakim sekiranya wali enggan menikahkan tanpa sebab-sebab yang munasabah.

Agama Islam Daerah. Penyelia kemudiannya akan membawa kes ke Unit Pendakwaan. Pendakwa pula akan membawa kes tersebut kepada Hakim Syari'i untuk disahkan. Setelah itu, Hakim Syari'i akan meminta pasangan mengisi borang bagi pendaftaran pernikahan luar negeri. Prosedur selanjutnya ialah Hakim Syari'i akan memanggil pasangan berkenaan dan dua orang saksi bagi mengukuhkan keterangan pasangan terbabit. Di peringkat ini, setelah mendengar segala keterangan, mahkamah akan menetapkan sama ada perkahwinan sebagai sah atau terbatal. Setelah penentuan kesahan perkahwinan, kes akan dibawa semula ke unit pendakwaan. Pendakwa akan menjalankan siasatan dan meneruskan pendakwaan ke atas pasangan tersebut atas pertuduhan berkahwin luar negeri tanpa kebenaran<sup>80</sup> atau/dan berpoligami tanpa kebenaran.<sup>81</sup> Jika sabit kesalahan, pasangan akan dikenakan penalti. Akhir sekali, mahkamah akan memerintahkan supaya perkahwinan itu didaftarkan bawah Akta atau Enakmen yang berkuat kuasa.

Akan tetapi sekiranya perkahwinan itu didapati tidak sah, pasangan akan difaraqkan (dipisahkan) dan akan dikenakan penalti. Selain tidak dapat menuntut sebarang hak dalam perkahwinan seperti tuntutan nafkah isteri dan anak-anak, hak penjagaan, tuntutan pusaka sekiranya suami meninggal dan sebagainya, pihak perempuan juga tidak boleh memohon pembubaran perkahwinan kerana perkahwinan memang tidak wujud dari awal lagi. Kedudukan anak-anak yang lahir hasil daripada perhubungan ini juga boleh dipersoalkan kesahannya. Sekiranya terbukti perkahwinan tidak sah, anak-anak yang dilahirkan adalah dianggap anak luar nikah yang mana status hubungannya dengan "bapa" tidak wujud sama sekali. Akibatnya, anak-anak ini akan menghadapi pelbagai masalah kelak.

Sebagai contoh, menurut satu berita yang dilaporkan dalam salah satu akhbar tempatan, gara-gara takut dikenakan tindakan setelah berkahwin menerusi sindiket dengan seorang warga Indonesia, seorang bapa telah tidak menyekolahkan empat orang

---

80 S 31 AUKI 1984.

81 S 123 AUKI 1984.

anaknya termasuk seorang yang bakal menduduki peperiksaan UPSR pada tahun 2005 ini. Lebih malang lagi, kesemua anak yang lahir daripada perkahwinannya dengan perempuan tersebut tidak mempunyai sijil kelahiran kerana lelaki berkenaan tidak pernah mendaftarkan perkara tersebut kepada pihak berkuasa.<sup>82</sup>

### *Terhadap Keluarga*

Perkahwinan antara lain adalah untuk mengeratkan dan menambahkan ahli keluarga dan juga untuk mengikat hubungan di antara dua keluarga. Kahwin lari yang berlaku pada lazimnya adalah akibat tidak mendapat restu dan keizinan kedua-dua keluarga terutamanya keizinan wali pihak perempuan. Akibatnya, hubungan antara pasangan tersebut dengan ahli keluarga mereka akan terjejas bahkan terputus langsung kerana tindakan yang diambil oleh pasangan tersebut telah membelaangi kedua-dua orang tua mereka dan mengabulkan mereka di mata masyarakat. Contohnya, dalam kes antara anak dan ayah iaitu *Siti Noranita Binti Hashim lwn Hashim Bin Taib*.<sup>83</sup> Pihak perempuan dalam kes ini ialah seorang pelajar yang telah berkahwin dengan suaminya, Zubir bin Yahya tanpa keizinan wali. Malangnya perkahwinan ini ditentang keras oleh yang kena tuntut, iaitu ayahnya sendiri dan ayahnya telah memohon supaya mahkamah membatalkan perkahwinan tersebut. Semasa perbicaraan sedang berlangsung, pertengkaran telah meletus dalam mahkamah, iaitu antara pihak penuntut suami isteri dan yang kena tuntut kerana yang kena tuntut, si ayah ingin merampas Noranita daripada suaminya. Keadaan ini menyebabkan hakim terpaksa campur tangan dan menangguhkan perbicaraan seketika. Rentetan daripada peristiwa itu, dua orang anggota polis telah diarahkan untuk mengawal keadaan semasa perbicaraan disambung semula. Peristiwa ini amat memalukan memandangkan adap dan kesopanan antara keluarga tidak dapat dilaksanakan.

---

82 *Harian Metro*, Jumaat, 11 Februari 2005.

83 Kes mal no: 7/93, Mahkamah Syariah Alor Setar, Kedah.

Bagi mereka yang mengamalkan poligami tanpa pengetahuan pihak isteri sedia ada atau anak-anak pula, tanggungjawab dan hak yang sepatutnya dilaksanakan dan diberikan tidak dapat disempurnakan sebaik mungkin kerana suami dan terutama isteri yang kedua atau seterusnya terpaksa hidup seolah-olah dalam buruan. Pasangan ini tidak berupaya untuk memupuk kasih sayang dalam keadaan biasa kerana takut perkahwinan mereka diketahui umum terutamanya isteri yang pertama. Kesan berpoligami secara rahsia ini sedikit sebanyak menyumbang kepada kadar perceraian kerana isteri terasa ditipu dan dikhianati oleh suami sendiri. Tambahan pula apabila suami mula mengabaikan tanggungjawab mereka sebagai seorang suami dan bapa. Justeru, ada antara isteri yang memohon perceraian bagi mengatasi kekusutan yang sedia ada.

### ***Terhadap Masyarakat***

Implikasi kahwin lari kepada masyarakat ialah ia memberi tindak balas daripada masyarakat sekeliling bahawa Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam yang diperuntukkan di Malaysia sedikit sebanyak menyusahkan pasangan untuk berkahwin dalam negara. Salah faham ini telah menyebabkan segelintir orang membuat rumusan bahawa undang-undang keluarga Islam yang dikuatkuasakan mengongkong kebebasan mereka untuk berkahwin sedangkan Islam itu memudahkan umatnya. Realitinya undang-undang keluarga yang ada adalah untuk mengemas kini dan memudahkan perkara yang berkaitan dengan urusan nikah, cerai dan rujuk masyarakat Islam di Malaysia.

Ketidakprihatinan masyarakat terhadap Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam yang dikuatkuasakan di seluruh negeri di Malaysia menyebabkan mereka menganggap permasalahan wali ‘adal tidak dapat diselesaikan mengikut prosedur yang sedia ada. Begitu juga masalah poligami. Masyarakat beranggapan prosedur poligami menyusahkan dan menghalang mereka berpoligami sedangkan Islam mengharuskannya. Sebenarnya, prosedur poligami yang sedia ada adalah bagi memastikan kesemua pihak yang terlibat sama ada suami, isteri atau isteri-isteri dan bakal isteri dapat

## PROSEDUR DAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN

melaksanakan tanggungjawab dan mendapat hak masing-masing dan keadilan dapat dilaksanakan sebaik mungkin. Permasalahan yang timbul ialah apabila pihak lelaki yang tidak berkemampuan dan pada masa yang sama tidak mahu melukakan hati isteri atau isteri-isteri yang sedia ada memohon kebenaran untuk berpoligami, yang mana sudah pasti akan ditolak oleh pihak mahkamah. Justeru jalan yang paling mudah ialah dengan berkahwin lari.

## RUMUSAN DAN CADANGAN

Dalam melayari kehidupan di muka bumi ini, manusia sebagai makhluk yang lemah dan daif memerlukan sistem dan undang-undang. Dengan adanya sistem dan undang-undang kehidupan manusia akan lebih teratur. Selain wajib mengikuti undang-undang yang telah dinaskan dalam al-Qur'an dan sunnah, undang-undang buatan manusia selagi tidak melanggar batas hukum syara' dan yang membawa maslahat bagi manusia hendaklah diikuti.

Peraturan yang termaktub bawah prosedur pernikahan dan kewajipan mendaftar perkahwinan pada masa kini adalah bagi kebaikan semua. Walaupun tidak terlaksana pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat, namun ia tidak bercanggahan dengan hukum syara'. Matlamat Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri digubal adalah untuk mengemas kini pentadbiran hal ehwal orang-orang Islam di Malaysia. Ia juga adalah sebagai sistem yang dapat mengawal segelintir orang yang menyalahgunakan kemudahan bawah hukum syara' dalam permasalahan perkahwinan dengan mengambil jalan keluar melalui kahwin lari.

Kursus nikah umpamanya ialah prosedur praperkahwinan bagi mendedahkan ilmu berkaitan pembinaan rumah tangga mengikut hukum syara' dan perkara-perkara berkaitannya. Selain itu tujuannya juga adalah untuk mendedahkan pelbagai persoalan dan masalah dalam perkahwinan bagi mengurangkan kadar perceraian. Permohonan poligami dengan kebenaran bertulis daripada mahkamah sama ada di dalam dan di luar negeri, adalah bagi memastikan hanya orang yang benar-benar berkelayakan sahaja

diluluskan permohonannya. Hal ini bagi memastikan keadilan dapat dilaksanakan kepada semua pihak yang terlibat dan bukan memenuhi runtunan nafsu semata-mata. Permohonan pendaftaran semula perkahwinan luar negeri adalah bagi memastikan perkahwinan yang telah terlaksana memenuhi kehendak hukum syara'. Hal ini demikian kerana sebelum perkahwinan tersebut dapat didaftarkan, pasangan akan melalui proses pengesahan nikah terlebih dahulu. Proses ini dibuat kerana ada juga pasangan yang terjebak dengan perkahwinan melalui sindiket yang tidak sah dan meragukan. Manakala sijil nikah pula merupakan dokumen penting bagi pembuktian perkahwinan. Sijil nikah hanya dikeluarkan apabila pasangan mendaftarkan pernikahan mengikut prosedur yang ditetapkan. Dokumen ini penting dalam membuat apa-apa sahaja tuntutan berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian. Dengan dokumen inilah hak-hak suami dan isteri itu terbela dan terpelihara.

Namun demikian, tidaklah bermakna tidak mematuhi prosedur ini akan menyebabkan perkahwinan itu batal atau tidak sah.<sup>84</sup> Perkahwinan tetap sah sekiranya rukun nikah dan syarat-syaratnya dipenuhi. Kegagalan memenuhi prosedur hanya mengakibatkan pasangan dikenakan penalti sama ada didenda atau dipenjarakan atau kedua-duanya sekali.

Sebagai undang-undang ciptaan manusia, sudah pasti ada kekurangan dan kelemahannya. Ini dijelaskan dengan penambahan kes-kes kahwin lari kerana tidak mendapat kebenaran mahkamah disebabkan tidak mendapat keizinan wali dan/atau berpoligami tanpa persetujuan pihak isteri atau isteri-isteri sedia ada. Walaupun begitu kekurangan dan kelemahan boleh dibaiki dari masa ke semasa. Oleh itu, beberapa cadangan diusulkan:

- (1) Pihak berkuasa Agama Islam negeri-negeri hendaklah mengkaji semula peruntukan bawah Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam sedia ada agar bersesuaian dengan keadaan semasa. Keberkesanannya yang kini lebih kurang dua abad

---

84 S 34 AUKI 1984.

## PROSEDUR DAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN

dilaksanakan menunjukkan ianya kurang sesuai masa kini kerana masalah kahwin lari bukannya berkurangan tetapi semakin bertambah. Dalam keadaan ekonomi negara yang stabil dan maju, kadar denda yang sedia ada tidak berpadanan kerana hampir kesemua pasangan yang disabitkan kesalahan berkahwin tanpa kebenaran sama ada tanpa keizinan wali dan/ atau berpoligami mampu menjelaskan denda yang dikenakan. Kadar denda sekarang iaitu tidak melebihi RM1000.00 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya patut ditambah kepada RM3000.00 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali dan diseragamkan di semua negeri agar tidak berlaku ketidakadilan dari segi pelaksanaan. Dengan penalti yang tinggi ini akan membuat pasangan yang baru terfikir untuk berkahwin lari, terbantut kehendaknya untuk meneruskan rancangan mereka itu.

- (2) Kerjasama dua hala antara Pihak Berkuasa Agama Islam terutamanya negeri-negeri yang bersempadankan negara Thailand, seperti Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu dengan Majlis Agama Islam Selatan Thailand, iaitu dari daerah Narathiwat, Pattani, Songkhla, Satun dan Yala yang kerap berlaku kes-kes kahwin lari hendaklah diperkujuh. Pertemuan dan taklimat dengan jurunikhah di sana patut diadakan bagi memastikan mereka melaksanakan tanggungjawab dengan lebih telus. Mereka hendaklah meneliti latar belakang pasangan dari Malaysia dengan terperinci sebelum menikahkan mereka agar tidak timbul masalah menyalahi hukum syara' seperti mengahwini isteri orang, mengahwini perempuan dalam 'iddah, lelaki yang mempunyai lebih daripada empat isteri, perempuan yang dipaksa kahwin tanpa persetujuannya, saksi yang tidak cukup syarat-syaratnya dan lain-lain. Ini bermaksud hendaklah ada keseragaman undang-undang keluarga Islam di sana dengan di Malaysia kerana jika ada keseragaman, pasangan tidak mempunyai alasan untuk melaksanakan perkahwinan di sana melainkan jika mereka menggunakan khidmat sindiket perkahwinan. Perkara yang sama juga patut dilaksanakan di Indonesia kerana bilangan pasangan yang bernikah di sana

UNDANG-UNDANG KELUARGA (ISLAM)

semakin meningkat.

- (3) Sistem “data *on-line*” antara Majlis Agama Islam Selatan Thailand dengan Jabatan Pendaftaran Negara di Malaysia patutlah diusahakan supaya status seseorang itu dapat diteliti dengan lebih cepat dan efisien sebelum satu-satu perkahwinan itu di‘aqadkan.
- (4) Pendedahan tentang ilmu perkahwinan patut didedahkan kepada masyarakat terutamanya kahwin lari dan implikasinya, bukan sahaja semasa mengikuti kursus praperkahwinan tetapi di peringkat sekolah menengah lagi dan di institusi-institusi pengajian tinggi. Ini bertujuan agar remaja hari ini berfikir dengan lebih mendalam terlebih dahulu sebelum mengambil apa-apa tindakan yang membelaangi agama, adat budaya, keluarga dan masyarakat sekeliling mereka.
- (5) Peranan ibu bapa dan guru-guru juga penting dalam menentukan akhlak yang mulia dan batasan pergaulan yang dibenarkan oleh hukum syara’. Hal ini bagi mengelakkan mereka daripada terjebak dalam masalah sosial seperti bersekedudukan tanpa perkahwinan, kehamilan di luar nikah dan sebagainya. Sekiranya mereka ditangkap, jalan yang mudah ialah berkahwin lari demi menutup kesalahan dan aib yang telah dilakukan.
- (6) Masyarakat juga perlu didedahkan bahawa sekiranya berlaku masalah wali ‘adal atau tiada kebenaran untuk berpoligami, ia dapat diselesaikan secara baik seperti prosedur yang telah diperuntukkan bawah Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri. Pasangan yang bermasalah boleh memohon penggunaan wali raja/wali hakim sekiranya perkara tersebut berlaku.
- (7) Budaya hari ini, iaitu ibu bapa yang meletakkan hantaran yang begitu tinggi patut diberhentikan. Memadailah hantaran diberi mengikut status ekonomi bakal menantu lelaki mereka. Budaya ini sekiranya diteruskan akan membebankan pihak lelaki tersebut yang bukan sahaja terpaksa menyediakan wang untuk perkahwinan itu, tetapi juga untuk menguruskan rumah tangganya pada hari-hari mendatang.
- (8) Pendekatan yang mungkin dianggap keterlaluan adalah dengan

## PROSEDUR DAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN

tidak mendaftar semula mana-mana perkahwinan yang tidak mendapat keizinan Pendaftar NCR atau mahkamah walaupun perkahwinan tersebut sah di sisi hukum syara' terutamanya perkahwinan poligami yang tidak memenuhi syarat-syarat yang diperuntukkan bawah Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. Pendekatan ini mungkin dianggap zalim. Namun demikian, ia dapat mendidik orang ramai supaya tidak mengambil jalan mudah untuk berkahwin lari apabila timbul masalah.<sup>85</sup> Langkah tegas ini telah dilaksanakan di Singapura dan pelaksanaannya dapat mengawal jumlah mereka yang mengambil tindakan untuk kahwin lari.<sup>86</sup>

Kesimpulannya, prosedur dan pendaftaran perkahwinan dibuat untuk memudahkan kehidupan berumah tangga dan bukannya menyusahkan. Hal ini bagi memastikan bahawa kehidupan manusia adalah berteraskan undang-undang dan menghormati agama, adat budaya, keluarga dan masyarakat di sekeliling kita. Sesungguhnya perkahwinan yang direndai Allah adalah perkahwinan yang direndai ibu bapa. Wallahu a'lam.

- 
- 85 Temu bual penulis dengan Yang Arif Ustaz Ghazali bin Ahmad, Hakim Mahkamah Petaling pada 14 Februari 2006. Menurut beliau tindakan seorang lelaki yang mengajak seorang wanita untuk berkahwin di luar negara tanpa keizinan jelas menunjukkan sikap tidak bertanggungjawab sebagai bakal suami dalam satu perkahwinan. Beliau juga menegaskan bahawa sebelum ini kebanyakkan negeri-negeri di Malaysia telah melaksanakan peruntukan ini tetapi telah dimansuhkan bila semua negeri diarahkan menyelaraskan peruntukan pendaftaran semula perkahwinan yang sah di bawah hukum syara'.
- 86 Temu bual penulis dengan Ustaz Salim bin Jasman, Presiden Mahkamah Syariah Singapura pada 29 Mac 2005.